

25 MAY 2002
MCA-Ling/I
DR LING NAFI LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik malam ini menafikan beliau meletakkan jawatan sebagai presiden parti itu dan Menteri Pengangkutan.

Beliau berkata khabar angin itu telah disebarkan oleh pihak tertentu yang mempunyai niat tidak baik.

"Ia cuma khabar angin dan tidak betul," kata beliau kepada pemberita di sebuah hotel di sini sebelum menghadiri majlis makan malam ulang tahun ke-33 Persatuan Pemborong Sayuran Kuala Lumpur.

Khabar angin mengenai peletakkan jawatan Dr Ling mula kecoh sejak dua minggu lepas dan paling bersungguh-sungguh semalam.

Ini menyebabkan pemberita bertanya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebaik pulang dari lawatan rasmi ke Jepun dan Korea Selatan mengenainya.

Perdana Menteri berkata bahawa beliau tidak menyuruh Dr Ling meletakkan jawatan dan mereka yang membawa khabar angin ini mempunyai niat kurang baik.

Dr Ling yang baru tiba dari lawatan tiga hari ke Filipina berkata khabar angin itu telah berlaku sejak beberapa ketika.

"Ia cuma satu khabar angin saja," tambah beliau.

-- BERNAMA

AT RV ZB